



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	27/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	JMG			

Utusan 27.12.2021_29

38 tanah runtuh termasuk 7 serius

SHAH ALAM: Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) melaporkan 38 kejadian tanah runtuh termasuk tujuh daripadanya teruk berlaku di Selangor.

Kawasan teruk tersebut ialah di Taman Nusa, Subang; Apartement Teratai, Selayang; Jalan Bunga Anggerik, Taman Dataran Ukay dan Jalan Melati 7, Taman Seri Melati.

Selain itu Kampung Sepakat, Batu 16, Rawang; Jalan Haji Abdul Latif, Kampung Bukit Kapar dan Jalan 45B, Bukit D, Kampung Cheras Baru.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim dalam satu kenyataan berkata, beberapa jalan di negeri ini masih ditutup berikutan terjejas akibat banjir.

“Sebanyak 284 jalan membatikan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di seluruh Selangor terjejas akibat banjir.

“Enam Jalan Persekutuan

di Petaling, Sepang, Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor masih ditutup termasuk lima Jalan Negeri di Kuala Selangor dan Hulu Langat,” katanya.

Terdahulu *Utusan Malaysia* melaporkan bencana banjir yang melanda di semua daerah di Selangor dengan situasi kritikal di Taman Sri Muda, Seksyen 25, di sini dan Pelabuhan Klang.

Banjir tersebut menyebabkan lebih 30,000 mangsa banjir dipindahkan ke lebih 100 pusat pemindahan sementara (PPS).

Rentetan itu, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Dr. Aminuddin Hassim memaklumkan JMG melaporkan terdapat 44 kawasan berpotensi berlaku tanah runtuh dikenal pasti.

Bagaimanapun, katanya, langkah-langkah wajar diambil Jabatan itu dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

